

China jiran penting, AS masih pelabur terbesar

Kuala Lumpur: China kekal sebagai jiran yang penting kepada Malaysia, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia tidak mempunyai sebarang isu dengan gegasi ekonomi itu.

Menjawab sama ada Amerika Syarikat (AS) cuba untuk menentukan apa-apa berkaitan hubungan Malaysia dengan China, Anwar berkata, perkara itu sudah dijelaskan.

“Kita menjelaskan bahawa China adalah jiran yang penting dan kita tidak mempunyai masalah dengan mereka.

“Saya fikir adalah menjadi kewajipan, bukan sahaja Malaysia tetapi ASEAN, untuk berdikari dan mematuhi prinsip berkecuali serta melakukan yang terbaik untuk memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada temu bual *Talk To Al Jazeera*, yang disiarkan pagi semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata, AS tidak secara terbuka meminta Malaysia mengurangkan kepentingan hubungannya dengan China.

“Saya tahu ada perutusan, tetapi kita tidak akan bertindak balas terhadapnya, kerana AS secara kumulatif masih pelabur terbesar di Malaysia dan pelaburan baharu masih masuk.

“Bukan berat sebelah memihak atau menentang mana-mana negara,” tambahnya.

Ketika wawancara itu, Anwar berkata tuntutan kedaulatan China ke atas Laut China Selatan adalah satu isu, tetapi bukan perkembangan yang tegang.

Katanya, walaupun satu atau dua negara ASEAN menimbulkan beberapa kebimbangan, Malaysia terus menggunakan me-

kanisme dua hala untuk berbincang dan berunding.

“Kita mempunyai masalah (dari semasa ke semasa) dengan semua jiran kami, maksud saya dari segi kedudukan sempadan, tetapi kita sedang berunding dengan mereka... sempadan dengan Thailand, Singapura, Brunei, dan dengan Indonesia. Sabah serta Filipina. Tetapi ia tidak tegang.

“Ia adalah perbincangan dan rundingan sivil, teratur, dan saya fikir ia akan berterusan. ASEAN adalah kuasa yang sangat kuat, padu,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata Malaysia sedia bekerjasama dengan pihak berkuasa sekiranya terdapat bukti pemindahan kapal ke kapal minyak Iran di perairan Malaysia.

Sehingga ini, katanya, Amerika Syarikat (AS) tidak memberikan sebarang bukti bagi me-

nyokong dakwaan itu.

“Jika ada, maka kita perlu mengawalinya. Setakat ini, kita terima keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tetapi sudah tentu, kita tidak bersetuju dengan sekatan sebelah pihak yang dikenakan oleh AS.

“Pendirian kita ialah sekatan hanya boleh diputuskan oleh PBB. Jika mereka (AS) mempunyai bukti, sudah tentu kami perlu menghentikan (entiti Malaysia daripada terabit dalam aktiviti yang diharamkan oleh sekatan PBB),” katanya.

Pada 9 Mei lalu, Setiausaha Perbendaharaan bagi Keganasan dan Perisikan Kewangan AS, Brian Nelson, mendakwa AS sudah memantau pemindahan minyak dari kapal ke kapal di perairan Malaysia.

Anwar berkata, pihaknya sudah memberikan aku janji yang jelas bahawa Malaysia tidak me-

langgar peraturan antarabangsa.

“Sekiranya ada bukti, Malaysia pasti akan bekerjasama. Tiada persoalan mengenainya,” katanya.

Menjawab sekatan AS ke atas empat syarikat yang berpangkalan di Malaysia pada Disember tahun lalu, Anwar berkata, AS perlu mengemukakan bukti.

Syarikat-syarikat itu dituduh sebagai pihak yang menyokong pengeluaran dron Iran.

“Anda boleh menggunakan kuasa, tetapi anda perlu memberikan bukti dan saya boleh memberi jaminan bahawa kami akan memberikan semua sokongan yang diperlukan.

“Tiada tindak balas daripada kerajaan. Kita perlu terus berbincang. Kita perlu mempertahankan hak syarikat kami, jika mereka tidak melanggar undang-undang antarabangsa atau keputusan PBB,” katanya.